

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan terhadap syarikat yang mendapat untung tapi tidak mahu membahagikan keuntungan bersama pekerja (Bonus).

PR-1323-T64281

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Keputusan syarikat untuk memberikan bonus atau membahagikan keuntungan kepada pekerja adalah tertakluk kepada sama ada terdapat klusa pemberian bonus atau tidak di dalam syarat-syarat kontrak perkhidmatan antara pekerja dan syarikat. berhubung dengan.
2. Syarikat yang tidak membayar bonus sedangkan terdapat terma dalam syarat kontrak perkhidmatan berhubung pemberian bonus, boleh diambil tindakan kerana gagal mematuhi terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan.

3. Jika tiada terma atau syarat berkenaan pemberian bonus ini didalam kontrak perkhidmatan, maka pemberian bonus ini menjadi satu budi bicara syarikat samada mahu memberi bonus atau tidak.